



NEWSLETTER

KEPENDUDUKAN NEGERI PERAK

PENGENALAN

TELUSURI SEJARAH NEGERI PERAK

Kewujudan artifak di Kota Tampan dan "Perak Man" yang dianggarkan berusia 10,000 hingga 11,000 tahun menjadi bukti kepada sejarah penempatan awal manusia di Negeri Perak. Sesetengah pendapat menyatakan bahawa nama "Perak" diambil bersempena keunggulan, kebesaran dan keharuman peranan dan tanggungjawab Bendahara Tun Perak di Melaka. Selain itu, terdapat juga pendapat menyatakan bahawa ia diambil dari "kilauan ikan dalam air" yang berkilau seperti perak.

Titik sejarah Negeri Perak bermula dengan penabalan Sultan Muzaffar Syah I sebagai Sultan Perak pertama yang memerintah dari tahun 1528 sehingga tahun 1549. Baginda merupakan putera kepada Sultan Mahmud Shah, Sultan Melaka yang terahir.

Negeri Perak dahulunya lebih dikenali dengan kekayaan hasil buminya iaitu bijih timah. Long Jaafar merupakan individu penting dalam sejarah bijih timah di Negeri Perak. Beliau merupakan individu pertama yang menemui bijih timah dan menguasahakannya pada tahun 1848.



MAKLUMAT ASAS NEGERI MELIPUTI GEOGRAFI, DAERAH PENTADBIRAN, DINAMIK PROFIL PENDUDUK DAN SEBAGAINYA

- | | | | |
|--|---|---|--|
| 1 Pada tahun 2020, dianggarkan kepadatan penduduk Perak adalah 120 orang per kilometer persegi. | 3 Keluasan Negeri Perak adalah 6.4% daripada jumlah keluasan Malaysia. | 5 Purata suhu bagi Negeri Perak adalah 23.6 c sehingga 33.9 c (Tahun 2017) | 6 Purata hujan bagi Negeri Perak yang paling rendah adalah 152 hari bersamaan dengan 1,569.6 milimeter sehingga paling tinggi 222 hari bersamaan 3,299.9 milimeter (Tahun 2017) |
| 2 Saiz keluasan tanah bagi Negeri Perak adalah 20,976 kilometer persegi (Tahun 2018) | 4 Perak merupakan Negeri kedua terbesar di semenanjung selepas Pahang. | 7 Purata kelembapan bagi Negeri Perak adalah 75.7% sehingga 85.0% (Tahun 2017) | |

Daerah Pentadbiran di Negeri Perak

- | | | | | | |
|------------------------|---------------------|-----------------------|------------------|------------------------|-----------------------------------|
| 1 Batang Padang | 2 Manjung | 3 Kinta | 4 Kerian | 5 Kuala Kangsar | 6 Larut, Matang dan Selama |
| 7 Hilir Perak | 8 Hulu Perak | 9 Perak Tengah | 10 Kampar | 11 Muallim | 12 Bagan Datuk |



PENDUDUK DAN ISI RUMAH

EVOLUSI DAN SIRI MASA PENDUDUK DAN ISI RUMAH (IR)

Tahun 1970 menyaksikan penduduk Negeri Perak hanya berjumlah 1.6 juta orang sahaja. Bilangan tersebut telah meningkat kepada anggaran jumlah penduduk seramai 2.5 juta orang pada tahun 2020. Data Anggaran Penduduk pada tahun 2020 menunjukkan 50.47 peratus penduduk Perak adalah lelaki dan 49.53 peratus adalah perempuan. Peratusan ini tidak menunjukkan perbezaan ketara berbanding tahun 1970 yang mana penduduk lelaki adalah 50.36 peratus dan penduduk perempuan adalah 49.63 peratus.

STATISTIK BILANGAN PENDUDUK NEGERI PERAK, 1970 - 2020^e (Ribu)


1970	1,631.5
1971	1,650.9
1972	1,669.3
1973	1,686.0
1974	1,702.7
1975	1,720.9
1976	1,736.7
1977	1,755.6
1978	1,771.5
1979	1,789.1
1980	1,987.7
1981	1,979.5
1982	1,967.5
1983	1,950.8
1984	1,931.5
1985	1,912.3
1986	1,891.1
1987	1,866.8
1988	1,838.2
1989	1,807.4
1990	1,992.9
1991	1,995.3
1992	2,007.1
1993	2,018.4
1994	2,028.4
1995	2,038.1
1996	2,047.0
1997	2,055.3
1998	2,066.2
1999	2,076.7
2000	2,355.7
2001	2,331.6
2002	2,306.4
2003	2,279.3
2004	2,251.1
2005	2,222.1
2006	2,192.1
2007	2,161.8
2008	2,129.0
2009	2,091.7
2010	2,379.0
2011	2,402.7
2012	2,427.0
2013	2,447.2
2014	2,458.8
2015	2,466.9
2016	2,482.1
2017	2,493.2
2018	2,503.5
2019	2,508.8
2020	2,510.3

Statistik utama penduduk Perak, 2020^e


Penduduk **(2,510.3 Ribu)**

Lelaki **(50.47%)**

Perempuan **(49.53%)**




JUMLAH ISI RUMAH MENGIKUT TAHUN BANGSI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 1970, 1980, 1991, 2000, 2010 DAN 2020. (Ribu)



Nota : e = Data Anggaran

STRUKTUR DAN PIRAMID PENDUDUK

Anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut kumpulan umur, Perak, 2020^e



Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Kumpulan Etnik Dan Bukan Warganegara, 2020^e

ETNIK TAHUN	BUMIPUTERA	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	BUKAN WARGANEGARA
2020	1446.1 ribu 57.61%	690.1 ribu 27.5%	273.9 ribu 10.9%	10.1 ribu 0.4%	90.1 ribu 3.6%

Nota : e = Data Anggaran

KOMPOSISI ANGGARAN PENDUDUK PERTENGAHAN TAHUN MENGIKUT KUMPULAN UMUR, 2020^e

Penduduk berumur 0-14 tahun

20.7%

Penduduk berumur 15-64 tahun

68.3%

Penduduk berumur 65 tahun dan lebih

11.0%

KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Tahun 2018 (bagi setiap 1000 penduduk)



Kadar Kelahiran Kasar
13.5



Kadar Kematian Kasar
7.4

KESUBURAN DAN JANGKA HAYAT

Tahun 2018 (bagi setiap 1000 perempuan berumur 15-49 tahun)



Kadar Kesuburan
1.9

EVOLUSI URBANISASI


Evolusi Urbanisasi dapat diukur dengan pertambahan kawasan perbandaran di Negeri Perak. Dapatan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970 menunjukkan perkadaran penduduk bandar (27.5%) lebih rendah berbanding luar bandar (72.5%). Kadar ini meningkat dari tahun ke tahun, sehingga perkadaran penduduk bandar mencecah (69.4%) melebihi luar bandar (30.6%) pada tahun 2010.

Tahun	Bandar	%	Luar Bandar	%
1970	430,240	27.5%	1,130,944	72.5%
1980	562,202	32.2%	1,181,453	67.8%
1991	1,006,813	53.6%	870,658	46.4%
2000	1,163,532	59%	809,836	41%
2010	1,594,851	69.4%	704,731	30.6%


PERKEMBANGAN POLA MIGRASI

- Migrasi merupakan satu fenomena yang tidak boleh disekat seperti urbanisasi. Ini berikutan migrasi didorong oleh pelbagai faktor sama ada dari aspek sosial, ekonomi dan fizikal bagi memenuhi keperluan dan kehendak hidup manusia.
- Pada 2018, hampir dua pertiga (62.6%) daripada jumlah penduduk Negeri Perak berhijrah melibatkan migrasi dalam negeri. Peratusan ini menurun 4.8 mata peratus kepada 62.6 peratus pada tahun 2018 berbanding 67.4 peratus pada 2016. Sebaliknya, migrasi antara negeri pula merekodkan peningkatan 4.6 mata peratus kepada 31.6 peratus pada tahun 2018 daripada 27.0 peratus pada 2016.
- Migrasi Antarabangsa juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 mata peratus kepada 5.8 peratus pada tahun 2018 berbanding 5.6 peratus pada tahun 2016.
- Bagi kedua-dua tahun 2016 dan 2018, Migran keluar melebihi migran masuk ke Negeri Perak dengan masing-masing mencatatkan 3,300 dan 9,800 orang. Bilangan migrasi bersih yang dicatatkan pada tahun 2018 adalah lebih rendah berbanding yang dilaporkan pada tahun 2016.

Migrasi mengikut taraf migrasi, di Negeri Perak, 2016 dan 2018



Migrasi bersih Negeri Perak, 2016 dan 2018




WARGA TUA DAN PENUAAN

'Masyarakat menua' merujuk kepada keadaan apabila peratusan penduduk dunia berumur 65 tahun dan ke atas mencecah 7% manakala apabila mencecah 14% dikenali sebagai 'masyarakat tua' dan seterusnya apabila mencecah 21% dikenali sebagai 'masyarakat sangat tua'. - (Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO))

Memetik dapatan daripada *World Population Prospects 2019* (United Nations, 2019), dijangkakan pada tahun 2050, 1 daripada 6 penduduk dunia adalah penduduk berumur melebihi 65 tahun dan ke atas berbanding 1 daripada 11 penduduk seperti yang dilaporkan pada tahun 2019.


Di Malaysia, 6.73% penduduk Malaysia adalah terdiri daripada penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas dan bagi Negeri Perak pula, peratus sumbangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas adalah lebih tinggi berbanding Malaysia dengan peratusan sebanyak 11.01% pada tahun 2020.

PENDUDUK BERUMUR 65 TAHUN DAN KE ATAS MENGIKUT JANTINA, PERAK, 2020^e



Nota : e = Data Anggaran

PERATUS PENDUDUK BERUMUR 65 TAHUN DAN KE ATAS MENGIKUT ETNIK BAGI NEGERI PERAK, 2010-2020^e



PERUMAHAN

BILANGAN TEMPAT KEDIAMAN (TK)



Tempat Kediaman


752,100

Isi Rumah

647,400

BILANGAN JENIS DAN STOK RUMAH


Bilangan stok unit kediaman sedia ada Negeri Perak, 2018^p



Nota : p = Data Anggaran

BILANGAN PENAWARAN RUMAH

Ringkasan penawaran unit kediaman mengikut jenis di Perak, 2019




PERATUSAN ISI RUMAH MENGIKUT JENIS RUMAH YANG DIDIAMDI DAN DAERAH PENTADBIRAN, PERAK, 2019

Negeri/Daerah	Dimiliki	Disewa	Kuarters
PERAK	81.8%	15.6%	2.6%
Batang Padang	85.9%	11.6%	2.5%
Manjung	81.7%	14.8%	3.5%
Kinta	81.8%	16.9%	1.3%
Kerian	83.5%	15.9%	0.6%
Kuala Kangsar	74.6%	21.8%	3.6%
Larut & Matang	82.2%	15.1%	2.7%
Hilir Perak	80.0%	13.7%	6.3%
Hulu Perak	84.7%	11.2%	4.1%
Perak Tengah	82.1%	12.6%	5.3%
Kampar	86.4%	8.4%	5.2%
Muallim	68.8%	26.0%	5.2%
Bagan Datuk	88.5	11.2%	0.3%

GUNA TENAGA

Jumlah tenaga buruh di Negeri Perak pada tahun 2019 adalah seramai 1.08 juta orang. Daripada jumlah tersebut 62.3 peratus adalah lelaki dan 37.7 peratus adalah perempuan. Kadar penyertaan tenaga buruh di Negeri Perak adalah 63.6 peratus pada tahun 2019. Penduduk bekerja mencatatkan 1.04 juta orang dan penganggur sebanyak 36,700 orang dengan kadar pengangguran sebanyak 3.4 peratus.






PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH

PERKEMBANGAN PENDAPATAN ISI RUMAH

Pada tahun 2019, pendapatan purata di Perak adalah RM5,645 manakala pendapatan penengah pula sebanyak RM4,273. Pendapatan penengah di Perak tumbuh 2.2 peratus setahun bagi tahun 2019 berbanding 7.5 peratus pada tahun 2016. Sementara itu, pendapatan purata meningkat lebih tinggi 3.6 peratus pada tahun 2019. Dari segi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata pula, Negeri Perak mencatatkan peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata daripada RM3,233 pada 2016 kepada RM3,564 iaitu dengan kadar pertumbuhan 3.2 peratus setahun.

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PENENGAH DAN PURATA, PERAK, 2016 DAN 2019

	Penengah (RM)		Purata (RM)	
	2016	2019	2016	2019
Negeri 	4,006	4,273	5,065	5,645
Bandar 	4,209	4,447	5,403	5,928
Luar Bandar 	3,230	3,644	3,873	4,439

**PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PENENGAH DAN PURATA
DAERAH PENTADBIRAN, PERAK, 2019**

Negeri/Daerah	Penengah (RM)	Purata (RM)
Batang Padang	4,067	5,637
Manjung	4,636	6,137
Kinta	4,556	6,120
Kerian	4,512	5,532
Kuala Kangsar	3,875	5,156
Larut & Matang	4,345	5,364
Hilir Perak	3,484	4,783
Hulu Perak	3,532	4,554
Perak Tengah	4,097	5,390
Kampar	3,821	4,845
Muallim	3,915	5,488
Bagan Datuk	4,503	5,705

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah dan purata Negeri Perak, 2016 dan 2019

Penengah (RM)		Purata (RM)	
2016	2019	2016	2019
2,837	2,928	3,233	3,564

Negeri/Daerah	Penengah (RM)	Purata (RM)
Perak	2,928	3,564
Batang Padang	2,528	2,934
Manjung	3,000	3,742
Kinta	3,000	3,881
Kerian	3,076	3,751
Kuala Kangsar	2,618	3,366
Larut & Matang	3,088	3,692
Hilir Perak	2,505	3,153
Hulu Perak	2,135	2,611
Perak Tengah	2,718	3,492
Kampar	2,216	2,571
Muallim	2,846	3,459
Bagan Datuk	2,759	3,407

PEKALI GINI DAN PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK)



Pekali Gini yang dikira berdasarkan pendapatan kasar meningkat sebanyak 0.015 mata indeks daripada 0.362 (2016) kepada 0.377 (2019) manakala Pekali Gini yang dikira berdasarkan pendapatan boleh guna pula mendapati Pekali Gini adalah 0.362 berbanding 0.365 pada tahun 2016. Dari segi penilaian, pekali Gini yang dikira berdasarkan pendapatan boleh guna menunjukkan angka lebih rendah berbanding kiraan berdasarkan pendapatan kasar. Ini menggambarkan bahawa sistem percukaian dan pembayaran cukai oleh mereka yang berkelayakan dapat membantu merapatkan jurang pendapatan antara isi rumah. Insiden kemiskinan mutlak negeri Perak pula bertambah baik daripada 8.23 peratus pada 2016 kepada 7.3 peratus.

PENDIDIKAN

Bedasarkan sumber daripada Kementerian Pendidikan, Jumlah Sekolah kerajaan meliputi Sekolah Rendah dan Menengah di Negeri Perak pada tahun 2017 direkodkan berjumlah 1,100 buah dengan bilangan guru sebanyak 38,901 orang. Bilangan murid di sekolah kerajaan pula berjumlah 372,244 orang.

KADAR LITERASI

Kadar literasi mengikut strata, negeri dan jantina, 2017



BILANGAN SEKOLAH DAN GURU

Tahun 2018

Bilangan Sekolah Kerajaan	1,102
Bilangan Guru Sekolah Kerajaan (Ren dan Men)	38,451

BILANGAN PELAJAR SEKOLAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Tahun 2018


Bilangan Murid Sekolah Kerajaan	376,327
---------------------------------	---------

KESIHATAN

Sejarah perkhidmatan kesihatan di negara ini bermula sejak sebelum merdeka lagi. Pembinaan hospital ketika itu adalah untuk merawat pekerja-pekerja dalam industri perlombongan bijih timah. Setiap pekerja lombong harus membayar 50 sen setahun untuk mendapatkan rawatan. Kini, pada tahun 2018, sejumlah 374 bilangan perkhidmatan kesihatan meliputi hospital kerajaan, klinik kesihatan, klinik desa, klinik 1 Malaysia dan klinik kesihatan ibu dan anak mewarnai perkhidmatan kesihatan di Negeri Perak. Sejumlah 4,237 orang doktor dicatatkan berkhidmat di Negeri Perak.

KEMUDAHAN KESIHATAN (BILANGAN HOSPITAL, KATIL, DOKTOR)

Tahun 2018



SEBAB-SEBAB KEMATIAN

10 sebab kematian utama disahkan serta bilangan di Negeri Perak, 2018

